

**1. Apakah produk ini?**

gHealth Term Takaful Plan adalah suatu pelan takaful berkelompok bertempoh yang boleh diperbaharui setiap bulan di mana Gloco Malaysia Bhd adalah Pemegang Sijil Induk. Ahli yang Dilindungi untuk pelan ini adalah pengguna gHealth yang layak dan memilih untuk melanggan pelan ini dan berumur di antara 19 hingga 60 tahun pada tarikh lahir akan datang. gHealth Term Takaful Plan menyediakan manfaat sekaligus sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi atau akibat kemalangan. gHealth Term Takaful Plan adalah suatu produk patuh Shariah.

**2. Apakah konsep Shariah yang berkenaan?**

- *Ta'awun* - Persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip kesamarataan dan kesatuan yang melibatkan kepentingan dan manfaat bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta'awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru`* adalah *Tabarru`at* (kebajikan) secara alami.
- *Wakalah bi al-ujrah* - Suatu persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah pelan ini. PruBSN akan menolak peratusan tertentu daripada sumbangan sebagai Caj *Wakalah* Pendahuluan sebagai bayaran untuk perkhidmatan ini. Selain daripada Caj *Wakalah* Pendahuluan, PruBSN juga layak menerima yuran prestasi di atas lebihan yang boleh diberikan daripada Dana *Tabarru`*.
- *Hibah* - *Hibah* adalah pemberian. Di bawah pelan ini, sumbangan untuk bulan yang pertama akan ditanggung oleh PruBSN sebagai *Hibah* yang dibayar daripada dana pemegang saham. *Hibah* adalah tertakluk pada syarat-syarat seperti yang dinyatakan di dalam sijil.

**3. Apakah perlindungan/manfaat-manfaat yang disediakan?**

Pengguna gHealth yang layak dan memilih untuk melanggan perlindungan takaful gHealth Term Takaful Plan ini berhak menerima perlindungan percuma Pelan 1 untuk bulan pertama setelah permulaan perlindungan Ahli yang Dilindungi ("Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi"). Setiap Ahli yang Dilindungi yang layak akan menerima perlindungan percuma ini hanya sekali.

Untuk bulan pembaharuan yang berikutnya, Ahli yang Dilindungi yang layak boleh memperbaharui pelan berdasarkan jadual di bawah sekiranya memenuhi kriteria untuk diperbaharui:

| Jenis Pelan | Jumlah Yang Dilindungi     |                            |
|-------------|----------------------------|----------------------------|
|             | Kematian secara Semulajadi | Kematian akibat Kemalangan |
| Pelan 1     | RM 1,000                   | RM 5,000                   |
| Pelan 2     | RM 2,000                   | RM 10,000                  |
| Pelan 3     | RM 5,000                   | RM 25,000                  |

**(a) Manfaat Kematian secara Semulajadi**

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia secara semulajadi sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah pelan ini, PruBSN akan membayar jumlah yang dilindungi untuk Manfaat Kematian secara Semulajadi daripada Dana *Tabarru`*. Perlindungan di bawah pelan akan ditamatkan apabila Manfaat Kematian secara Semulajadi telah dibayar.

**(b) Manfaat Kematian akibat Kemalangan**

Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan sementara Ahli yang Dilindungi mempunyai perlindungan takaful di bawah pelan ini, PruBSN akan membayar jumlah yang dilindungi untuk Manfaat Kematian akibat Kemalangan daripada Dana *Tabarru`*. Perlindungan di bawah pelan akan ditamatkan apabila Manfaat Kematian akibat Kemalangan telah dibayar.

Tempoh perlindungan pelan: sehingga 61 tahun (umur pada hari jadi akan datang), tertakluk kepada pembaharuan pelan atau sehingga kematian Ahli yang Dilindungi (mana-mana yang berlaku dahulu).

#### **4. Berapakah sumbangan yang harus dibayar?**

Sumbangan untuk bulan pertama perlindungan takaful bagi Ahli yang Dilindungi ditanggung oleh PruBSN di bawah pengaturanan *Hibah*.

Untuk bulan pembaharuan yang berikutnya, sumbangan untuk perlindungan takaful dibayar oleh Pemegang Sijil Induk kepada PruBSN. Pemegang Sijil Induk boleh mengumpul sumbangan yang dibayar oleh Ahli yang Dilindungi dan diserahkan kepada PruBSN.

*Nota: PruBSN boleh mengubah amaun sumbangan dengan memberikan notis pendahuluan selama 90 hari.*

#### **5. Apakah yuran dan caj-caj yang harus dibayar?**

- Caj *Wakalah* Pendahuluan - 50% daripada setiap sumbangan yang dibayar.
- Cukai Perkhidmatan – Cukai perkhidmatan sebanyak 6% akan dikenakan ke atas semua sumbangan yang dibayar untuk sijil-sijil yang dimiliki untuk tujuan perniagaan. Kadar ini mungkin berubah mengikut kadar semasa.

*Nota: PruBSN boleh mengubah caj-caj dengan memberikan notis pendahuluan selama 90 hari.*

#### **6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?**

- Kepentingan pendedahan: Ahli yang Dilindungi mesti mendedahkan semua fakta penting termasuk, tetapi tidak terhad kepada, keadaan kesihatan dan mesti menyatakan umur dengan betul. Ahli yang Dilindungi mempunyai kewajipan untuk mendedahkan semua maklumat yang relevan yang Ahli yang Dilindungi tahu atau sepatutnya tahu sebaik pengetahuan dan atas niat baik. Jika gagal untuk berbuat demikian, perlindungan akan ditamatkan.
- Tempoh rujukan percuma – Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan takaful dengan memaklumkan mengenai maklumat pengenalan diri terus kepada PruBSN dalam tempoh 15 hari dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi. Walaubagaimanapun, sumbangan yang dibayar tidak akan dikembalikan kepada Ahli yang Dilindungi, kerana sumbangan yang dibayar untuk bulan pertama dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi ditanggung oleh PruBSN di bawah pengaturanan *Hibah*.
- Penamaan – Ahli yang Dilindungi dinasihatkan supaya menamakan penama untuk sijil takaful bagi memastikan penyelesaian tuntutan yang lancar. Ahli yang Dilindungi juga harus memastikan bahawa penama mengetahui tentang sijil yang telah Ahli yang Dilindungi ambil.

*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.*

#### **7. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah pelan ini?**

##### **Manfaat Kematian secara Semulajadi**

Manfaat tidak akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- bunuh diri, sama ada semasa waras atau tidak waras, dalam tempoh 12 bulan dari Tarikh Berkuatkuasa Ahli yang Dilindungi; atau
- sebarang Keadaan Sedia Ada.

##### **Manfaat Kematian akibat Kemalangan**

Manfaat tidak akan dibayar sekiranya kematian disebabkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh:

- peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pembabitan secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam; atau
- pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan; atau
- cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman; atau

- kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya, (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas sistem peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketidaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan; atau
- terlibat atau mengambil bahagian dalam sukan profesional, selam skuba, sebarang acara perlumbaan, penerbangan udara (termasuk terjun lelabah, luncur udara, belon udara, payung terjun dan terjun udara) melainkan sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang menaiki pesawat penumpang komersil berlesen yang beroperasi melalui laluan yang dijadualkan biasa atau sebarang aktiviti atau sukan berbahaya, melainkan telah dipersetujui melalui pengendorsan khas; atau
- penggunaan narkotik atau dadah melainkan diambil mengikut preskripsi perubatan berdaftar yang berkelayakan; atau
- apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang bukan disebabkan oleh kemalangan; atau
- mabuk akibat alkohol atau dadah; atau
- sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan.

*Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah sijil ini.*

#### **8. Bolehkah perlindungan di bawah pelan ini dibatalkan?**

Ahli yang Dilindungi boleh membatalkan perlindungan di bawah pelan ini selepas tempoh rujukan percuma. Walaubagaimanapun, tiada nilai serahan akan dibayar dan sumbangan yang dibayar tidak akan dikembalikan. PruBSN akan menyediakan perlindungan sehingga Tarikh Bulanan Pembaharuan Sijil yang seterusnya. Sebarang permohonan untuk pembatalan dalam tempoh tersebut akan dianggap sebagai pengesahan untuk tidak memperbaharui sijil.

Pemegang Sijil Induk dan PruBSN boleh menamatkan pelan dengan memberikan notis pendahuluan selama 60 hari.

#### **9. Apa yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada butir-butir perhubungan?**

Adalah penting untuk Ahli yang Dilindungi memaklumkan kepada PruBSN sekiranya terdapat perubahan pada butir-butir perhubungan bagi memastikan segala surat-menyurat akan sampai tepat pada waktunya.

#### **10. Di mana untuk mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya Ahli yang Dilindungi memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila rujuk buku *infoinsurans* berkenaan 'Takaful Keluarga', yang boleh didapati di semua cawangan PruBSN atau lawati laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PruBSN di:

**Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)**

Aras 13, Menara Prudential,

Persiaran TRX Barat,

55188 Tun Razak Exchange,

Kuala Lumpur.

Tel: **03 2775 7188**

E-mel: [corporatesupport@prubsn.com.my](mailto:corporatesupport@prubsn.com.my)

Ahli yang Dilindungi juga boleh lawati laman web PruBSN di [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

Prudential BSN Takaful Berhad adalah Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

#### **11. Lain-lain perlindungan takaful keluarga yang ditawarkan:**

Sila hubungi PruBSN untuk mengetahui jenis-jenis perlindungan takaful lain yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SEPENUHNYA SEMUA MAKLUMAT MENGENAI MANFAAT-MANFAAT DAN TERMA-TERMA YANG TERKANDUNG DI DALAM LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK INI. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI TERUS PRUBSN SEKIRANYA ANDA INGINKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam lampiran keterangan ini adalah sah pada Ogos 2021.

Disediakan oleh: Prudential BSN Takaful Berhad  
Tarikh: Ogos 2021  
Versi: gHealth Term Takaful Plan v1.0